

Soalan 【6】 (2)

Antara pilihan jawapan yang berikut, yang manakah mempunyai luas permukaan yang berukuran 150cm^2 (persegi). Tuliskan nombor jawapan yang tepat.

1. Luas permukaan sekeping setem
2. Luas permukaan sekeping poskad tahun baru
3. Luas permukaan muka hadapan buku teks matematik
4. Luas permukaan lantai sebuah bilik darjah

Berapakah besar keluasan yang berukuran 150cm^2 ?

Ini mungkin sama jika anda menggunakan pembaris yang berukuran 15cm.

Bagi pilihan jawapan ke-4, adakah kita harus mengukur keluasan permukaan sebuah bilik darjah?

Tidak, kerana kita tidak boleh mengukur permukaan tersebut dengan menggunakan sebatang pembaris.

Bagi pilihan jawapan pertama, luas permukaan bagi sekeping setem ialah 3cm^2 , maka luas permukaan itu amat kecil.

Bagi pilihan jawapan ke-3, panjang muka hadapan buku teks matematik ialah melebihi 15cm dan lebarnya melebihi 15cm, maka keluasan permukaan muka hadapan buku teks itu sangat besar.

Bagi pilihan jawapan ke-2 pula, panjang sekeping poskad tahun baru ialah hampir 15cm dan lebarnya pula hampir 10cm.

Maka pilihan yang paling tepat ialah pilihan jawapan ke-2.

Apabila berhadapan dengan soalan yang berkaitan dengan luas permukaan, cara yang terbaik adalah menganggap permukaan tersebut sama seperti segi empat tepat atau segi empat sama.

Selain itu, jika anda memberikan tumpuan kepada unit yang digunakan ianya juga akan membantu anda untuk mendapatkan jawapan yang tepat.